

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR  
A/L ARULANANDRAM [KUALA LANGAT]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan Kerajaan untuk membantu kos sara hidup peniaga kecil seperti pasar pagi dan malam, memandangkan sumber pendapatan mereka terjejas semasa waktu PKPB ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wabak COVID-19 yang melanda negara telah memberi ancaman bukan sahaja kepada kelangsungan ekonomi dan perniagaan, tetapi juga ke atas nyawa dan kesihatan rakyat di negara ini. Lantaran itu, kita berdepan dengan cabaran untuk mengimbangi di antara menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan.

Penularan COVID-19 yang semakin meningkat baru-baru ini di beberapa negeri telah mengakibatkan Kerajaan terpaksa melaksanakan PKPB. Benar, dengan perintah kawalan pergerakan ini, kelangsungan hidup rakyat agak terjejas termasuklah bagi golongan peniaga kecil pasar pagi dan malam. Maka, bagi membantu meringankan beban kewangan golongan peniaga kecil dalam mendepani tempoh PKPB ini, Kerajaan telah menyediakan inisiatif atau bantuan di bawah pelbagai pakej rangsangan ekonomi, antaranya seperti berikut:

- i. Pemberian Geran Khas Prihatin (GKP) 2.0 di bawah Pakej KITA PRIHATIN, untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro yang terkesan akibat penularan wabak COVID - 19. Melalui GKP2.0, setiap PKS mikro yang berkelayakan yang belum menerima GKP sebelum ini, akan diberi bantuan kewangan tunai secara *one-off* sebanyak RM3,000. Pemberian GKP2.0 ini melibatkan peruntukan sebanyak RM600 juta yang akan memanfaatkan lebih 200 ribu peniaga mikro;
- ii. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia dan institusi-institusi kewangan telah melaksanakan moratorium lanjutan dan bantuan bank secara bersasar bagi golongan yang masih terjejas tertakluk kepada syarat dan kedudukan semasa individu yang memerlukannya. Pertimbangan turut diberikan kepada peminjam-peminjam lain, termasuk individu atau PKS, peniaga, penjaja atau mereka yang bekerja sendiri yang turut terkesan dengan COVID-19.

Semasa pembentangan Belanjawan 2021 pada 6 November lalu, Kementerian Kewangan turut mengumumkan pelbagai inisiatif tambahan bagi membantu golongan peniaga atau PKS mikro melalui pelbagai bantuan daripada aspek pembiayaan, peningkatan kapasiti dan peluang pasaran, antaranya seperti berikut:

### **Pemerkasaan Golongan Usahawan Wanita**

- i. Pembiayaan mikro kredit khas kepada PKS wanita melalui TEKUN, MARA dan AgroBank berjumlah RM95 juta;
- ii. Pembiayaan Islam melalui program Ar-Rahnu BizNita di bawah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM) dengan dana sebanyak RM50 juta; dan
- iii. Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro atau BizMe kepada golongan usahawan wanita.

### **Pemerkasaan Golongan Usahawan Bumiputera**

- i. Pembiayaan PKS Bumiputera melalui syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan, SJPP dengan dana sebanyak RM2 bilion;
- ii. Program peningkatan kapasiti termasuk pembangunan profesional, Dana Kemakmuran Bumiputera serta program atau projek khusus untuk Bumiputera sebanyak RM1.3 bilion;
- iii. Program peningkatan keupayaan usahawan mikro dan PKS Bumiputera oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan SME dengan dana sebanyak RM800 juta; dan
- iv. Pembiayaan melalui TEKUN dan PUNB bagi PKS dan PKS mikro Bumiputera dengan dana sebanyak RM510 juta.

### **Penggalakan Penghasilan dan Pembelian Produk Tempatan**

- i. Program latihan dan bantuan penjualan serta peralatan digital di bawah Kempen e-Dagang PKS dan PKS Mikro dengan peruntukan sebanyak RM150 juta;
- ii. Inisiatif *Shop Malaysia Online* dengan peruntukan sebanyak RM150 juta; dan

- iii. Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik serta program Beli Barang Buatan Malaysia dengan peruntukan berjumlah RM25 juta.

### **Akses Kepada Pembiayaan Mikro**

Selain program pembiayaan yang telah saya nyatakan sebentar tadi, Kerajaan turut menyediakan akses kepada pembiayaan mikro melalui program berikut:

- i. Pembiayaan kredit mikro melalui TEKUN Nasional, Agrobank, BSN dan institusi kewangan lain dengan dana sebanyak RM1.2 bilion; dan
- ii. Platform Jana Niaga untuk pembayaran digital rantaian bekalan melalui EXIM Bank dengan dana sebanyak RM300 juta.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India atau SPUMI, program pembiayaan perniagaan komuniti Cina melalui BSN dan program pembangunan usahawan bagi komuniti lain berjumlah RM5 juta disediakan.

Di bawah Belanjawan 2021, Kerajaan juga menyediakan GKP Khas bernilai RM1,000 untuk mereka yang terkesan di Sabah termasuk peniaga dan penjaja, pemandu teksi, e-hailing dan kereta sewa, serta pemandu pelancong. Dianggarkan 20,000 penerima akan memanfaatkan bantuan ini.

Kerajaan akan memastikan semua program yang sedang berlangsung dan yang akan bermula tahun 2021 akan dilaksanakan secara cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.